

02 FEB 1999

TIDAK TEPAT PERDANA MENTERI TIDAK DENGAR NASIHAT, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata adalah tidak tepat sama sekali anggapan dan andaian bahawa Perdana Menteri adalah seorang yang tidak mendengar nasihat ataupun mabuk kuasa.

Beliau berkata dalam banyak keadaan termasuk ketika mesyuarat jemaah menteri, Perdana Menteri turut mendengar pandangan dan hujah-hujah yang dikemukakan oleh menteri-menteri dengan penuh sabar.

Malahan, menurutnya, ketika cadangan pindaan perlembagaan dibuat beberapa tahun dahulu bagi menghadkan kuasa raja-raja, Peguam Negara telah membentangkan satu pindaan kepada jemaah menteri yang memberikan kuasa mutlak kepada Perdana Menteri sama seperti apa yang dinikmati oleh Sir Gerald Templar dahulu.

"Tetapi Perdana Menteri berkata dia tidak mahu. Dia tidak perlukan kuasa seperti itu," katanya pada wawancara khas melalui TV1 malam ini.

Abdullah berkata rakan-rakan sejawatannya ketika beliau menjadi Menteri Luar dulu selalu hairan selepas pertemuan mereka dengan Dr Mahathir memandangkan Perdana Menteri sanggup mendengar dan bertukar pandangan dengan mereka tanpa apa-apa halangan antara kedudukan seorang Perdana Menteri dan Menteri Luar.

"Sebelum jumpa PM mereka rasa takut, seperti apa nak cakap. Lepas bercakap, tak ada apa pun," katanya.

Abdullah juga berkata penglibatan aktif Dr Mahathir dalam isu-isu antarabangsa tidak menyukarkan tugasnya sebagai Menteri Luar sebelum ini, sebaliknya telah memudahkannya.

-- BERNAMA

RV zb